

Jenis Akhbar : Sinar Harian Online
Tarikh : 19/11/2018
Edisi / Muka surat : www.sinarharian.com.my
Tajuk : Koperasi perlu berani ceburi perniagaan berimpak tinggi

Koperasi perlu berani ceburi perniagaan berimpak tinggi

19 NOVEMBER 2018



Abdul Fattah (dua, kanan) menukar memorandum bersama Pengerusi Koperasi Pos Nasional Berhad (Koponas) Mohd Azham Abd Jabar (dua, kiri) selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Angkasa dengan Koponas di sebuah hotel hari ini. - Foto Bernama

SHAH ALAM - Koperasi di negara ini diseru menceburi bidang perniagaan berimpak tinggi bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi sekali gus menguntungkan para anggota. Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata bidang perniagaan berimpak tinggi antaranya seperti bidang teknologi maklumat dan digital menjanjikan pulangan yang lumayan bagaimanapun ia tidak banyak diceburi oleh koperasi tempatan.

Bidang perniagaan lama, seperti memberi pinjaman sudah tidak lagi memberi pulangan yang tinggi kepada koperasi kerana ia sudah tepu selain daripada persaingan dan peraturan-peraturan baharu yang diperkenalkan, katanya.

"Jadi saya nasihatkan koperasi tempatan untuk ceburi bidang perniagaan baharu agar mereka dapat menjana lebih pendapatan dan sekali gus dapat mengeluarkan dividen yang tinggi kepada anggota.

la juga agar sasaran koperasi untuk mendapat perolehan sebanyak RM50 bilion pada 2020 dapat dicapai, sekarang perolehan kita adalah RM41bilion" katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Angkasa dengan Koperasi Pos Nasional Berhad (Koponas) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Koponas Mohd Azham Abd Jabar.

Mengulas mengenai MoU berkenaan, Abdul Fattah berkata ia merupakan kerjasama antara Angkasa dan Koponas di dalam menggalakkan pembangunan perniagaan pendigitalan dokumen.

"Koponas mempunyai kepakaran dalam perkhidmatan pengimejan data, percetakan dan pengurusan rekod dan ia patut dimanfaatkan oleh koperasi-koperasi tempatan kerana ia mempunyai pelbagai kelebihan.

Dengan pendigitalan ini, koperasi dapat menjimatkan penggunaan ruang dan kos apabila dokumen-dokumen lama kini disimpan secara salinan lembut," katanya. - *Bernama*